



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 11 MEI 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	CUBITAN CIKGU ZALEHA SEGAR DALM INGATAN SALAHUDDIN, DALAM NEGERI, UM -10	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
2.	SIM IS URGING TO DIVERSIFY FARMING ACTIVITIES, NATION, KWONG WAH YIT POH -A8A	
3.	MALAYSIA TO REDUCE DEPENDENCY ON CAPTURED FISHERIES BY IMPROVING AQUACULTURE, NEWS, FRONT DESK -10	
4.	MENU SATE ARNAB CETUS IDEA, NEWS, SH (UTARA) -37	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
5.	2,000 BUNGKUS BUBUR LAMBUK, SEMARAK RAMADHAN, BH -9	PADI BERAŞ NASIONAL BERHAD (BERNAS)
6.	CUACA PANAS JEJAS HASIL TANGKAPAN NELAYAN, DALAM NEGERI, UM -11	LAIN - LAIN
7.	HARUM MANIS IS COMING, NEWS, CHINA PRESS (NORTHERN) -C10	

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Cubitan Cikgu Zaleha segar dalam ingatan Salahuddin

UTUSAN
#TerimaKasihCikgu

Oleh **AFIQ MOHD. SHAH**
pengarang@utusan.com.my

SAAT memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan tentunya menggembirakan setiap murid di alam persekolahan, namun tidak bagi Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub.

Walaupun berjaya mendapat keputusan 90 markah dan ke atas bagi kebanyakan mata pelajaran semasa berada di tahun enam, Sekolah Kebangsaan Inggiris Serkat, Pontian, beliau tetap dicubit oleh guru kelasnya, Zaleha Abdullah.

Hal demikian kerana Cikgu Zaleha yang mengajar subjek Bahasa Inggiris itu mengangap Salahuddin sebagai seorang pelajar yang cuai dan tidak fokus dalam pelajaran.

Penangan' dicubit Cikgu Zaleha itu tidak berakhir di situ sahaja kerana menurut Salahuddin, sebaik sahaja tiba di rumah, beliau akan dimarahi pula oleh ibu bapanya.

"Bayangkan zaman itu saya bersekolah di kampung, tiada barayak akses kepada buku tambahan dan tuisyen tetapi berjaya men-

dapat markah hayang agak tinggi. Namun, masih dimarahi kerana dikatakan cuai. Balik rumah saya termenung dan menangis.

"Walau bagaimanapun, baharu sekarang saya sedar, cubitan Cikgu Zaleha itu yang banyak membantu membina personaliti dan mencabar saya menjadi lebih baik," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Salahuddin yang belajar di Sekolah Kebangsaan Inggiris Serkat dari 1968 hingga 1973 berkata, beliau dikenali sebagai seorang murid yang pendiam dan tidak aktif dalam aktiviti di sekolah sehinggalah penyertaannya dalam arena politik amat mengejutkan guru dan rakannya.

"Saya boleh dikatakan sebagai budak yang baik atau *holy boy* sewaktu di bangku sekolah dahulu. Tak pernah masuk pertandingan bahas atau aktiviti kokurikulum di luar bilik darjah. Saya bukanlah pelajar yang menonjol.

"Atas sebab itulah, apabila saya masuk politik, ramai guru dan rakan-rakan terkejut. Mereka kata saya sangat berlainan dengan zaman dulu. Mungkin ini semua 'anugerah Tuhan' yang dikurniakan kepada saya," katanya.



SALAHUDDIN AYUB bersama guru Matematiknya, **Cikgu Joseph Santiago** dalam Majlis Makan Malam di Sekolah Menengah Sri Perhentian, Pontian, Johor, baru-baru ini. - GAMBAR FACEBOOK PUSAT KHIDMAT RAKYAT PARLIMEN PULAI

Bagi menghargai jasa gurunya terutamanya Cikgu Zaleha, Salahuddin kerap menziarahi mereka sekiranya mempunyai masa lapang.

Selain Cikgu Zaleha, beliau turut mengingati guru lain yang banyak berjasa antaranya Cikgu Joseph Santiago, Cikgu Arumugam dan Cikgu Ahmad Ehsan

yang mengajar semasa beliau berada di Sekolah Menengah Sri Perhentian, Pontian.

"Saya ada bertemu dengan Cikgu Zaleha di rumahnya di Kuala Lumpur. Dia menanganis apabila kami bertemu. Saya tahu sebagai seorang guru, beliau ikhlas mengajar untuk pastikan setiap anak muridnya berjaya dalam kehidupan masing-masing. Semua itu amat bermakna kepada saya," katanya.

Salahuddin juga sempat menitipkan nasihat dan pesan kepada semua pelajar ketika ini supaya menghormati guru yang mengajar seumpama anak menghormati ibu bapanya.

"Pada saya selepas Allah dan ibu bapa, semua orang perlu menghormati guru anda. Restu guru juga penting. Ibu bapa doakan, guru juga akan mendoakan kita. Sikap hormat itu perlu ada dalam diri anda.

"Kadangkala cikgu kita ini ada satu hubungan cukup baik dengan kita. Apabila sudah lama tak jumpa dan kita datang ziarah, mereka akan berasa dihargai dan menanganis. Apa yang kita lakukan terhadap ibu bapa sendiri, begitulah juga hormat pada guru-guru," katanya.

Headline	Sim is urging to diversify farming activities		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	11 May 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A8a	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	152 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,704
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,113



沈志勤 (中) 率队访问世界渔业中心。

沈志勤:减少依赖进口粮食 促多元化农作畜牧业

【檳城 10 日讯】多元化农作，减少进口粮食依赖！

农业及农基工业部副部长沈志勤今日促请油棕小园主可直接多元化农作或进行畜牧业，以增加粮食生产，以减少我国对进口粮食的依赖。

他表示，该部鼓励农友朝多元化农作物发展，油棕小园主在进行畜牧业发展或翻种时可考虑将留下的部分土地改种其他农作物，当局将给予辅助或指导。

他今日巡访世界渔业中心后针对马来西亚每年进口 520 亿高额粮食，必须对进口粮食依赖的问题时，作出相关回应。

“我国共有 780 万公顷农业地，其中 580 万公顷是油棕园、树胶园和粮食生产农地各占 100 万公顷。”

“在粮食生产地段中，有 60 万公顷为稻田，剩余 40 万公顷供蔬菜和畜牧业用途。”

沈志勤强调有关粮食产量将无法满足我国 3000 万人中的需求。预期我国到 2050 年，人口将增加至 4000 万至 4500 万人，我国并不能胡乱砍伐森林以进行农业用途。

他说，在这种情况下，我国必须在有限的农地生产更多粮食，朝向高科技农业发展将是最佳的解决方案。

他指出，这也是我国未来 5 年的农业发展方向，该部已经就此向经济部及财政部谈商寻求合作，殊途同归善用联邦垦殖区及其他中央政府废置的土地作为种植蔬菜与短期农作物用途，以解决粮食不足的燃眉之忧。#

Headline	Malaysia to reduce dependency on captured fisheries by improving aquaculture		
MediaTitle	Front Desk (www.frontdesk.com.my)		
Date	11 May 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	10	Readership	1
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 450
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,350

Malaysia to reduce dependency on captured fisheries by improving aquaculture

GEORGE TOWN (Penang, Malaysia) May 11 : Ministry of Agriculture and Agro-based Industries is focusing on improving the aquaculture industry in order to reduce Malaysian's dependency on captured fisheries. Deputy Agriculture and Agro-based Industries Mini...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

Headline	Menu sate arnab cetus idea		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	11 May 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	40,000
Page No	37	Readership	120,000
Language	Malay	ArticleSize	546 cm ²
Journalist	MUHAMMAD AMMAR MUBASSYIR ABDUL	AdValue	RM 5,883
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,649



Menu sate arnab cetus idea

**Abdullah Syaraffi
miliki pusat ternakan
dan pemprosesan
arnab pedaging
terbesar di utara**

MUHAMMAD AMMAR MUBASSYIR
ABDUL HADI

KULIM - BANDAR BAHARU

Sedar bahawa daging arnab kurang di pasaran, seorang anak muda dari Kampung Parit Teropong, Sungai Kechil Ulu dekat sini nekad mengusahakan ternakan haiwan itu secara serius sejak pertengahan 2014.

Setelah lima tahun berlalu, Pengurus Besar Ceq Lah Empire Agrofarm, Abdullah Syaraffi Samshir berjaya membangunkan sebuah empayar perniagaan di usia 28 tahun.

Dengan usia masih muda, Abdullah Syaraffi berjaya membuka pusat ternakan dan pemprosesan arnab pedaging terbesar di utara yang bertempat di Kampung Parit Teropong, Sungai Kechil Ulu.

Abdullah Syaraffi berkata, minat membela arnab berputik sejak di bangku sekolah rendah.

"Pada awal perniagaan, saya hanya membuka kedai peliharaan arnab. Bila melanjutkan pengajian ke universiti, kedai itu ditinggalkan," katanya.

Namun katanya, idea untuk memasarkan daging arnab tercetus apabila melihat menu sate arnab yang dijual di sebuah kedai di negeri ini.

"Ketika itu, peniaga kedai berkenaan



Abdullah Syaraffi (duduk, tengah) bergambar kenangan bersama peserta kursus ternakan arnab.



Abdullah Syaraffi (kanan) menerangkan sesuatu kepada pengunjung di pusat memternak arnab miliknya di Kampung Parit Teropong, Sungai Kechil Ulu.

memberitahu sate arnab tiada kerana pembekal daging arnab sudah tiga tahun tidak hantar bekalan.

"Jadi saya tanya kepadanya adakah dia terima jika saya berminat bekalkan daging arnab kepadanya?"

"Peniaga itu berikan jawapan perlu berterusan jika mahu bekalkan daging arnab. Daripada situ bermulalah idea untuk saya menceburi bidang ini secara komersial dan ketika itu juga saya

baharu tamat belajar," katanya.

Abdullah Syaraffi berkata, ibu bapa dan keluarganya sering memberikan sokongan padu kepadanya untuk mengusahakan perniagaan itu.

Mula dengan modal RM2,000

Pada pertengahan 2014 Abdullah Syaraffi melakukan kajian terhadap kebolehpasaran bidang ternakan arnab melalui Jabatan Veterinar dan Institu-

si Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI).

"Menurut jabatan berkenaan, Kedah pernah gah dengan ternakan arnab pada tahun 90-an.

"Tetapi mungkin kerana pasaran waktu itu tidak terlalu besar dan kuasa beli masyarakat masih rendah menyebabkan ternakan arnab semakin berkurangan," katanya.

Katanya, dia mengusahakan ternakan arnab dengan modal RM2,000.

"Wang itu hasil simpanan saya ketika masih lagi belajar.

"Saya mula bela arnab ini dengan 10 ekor induk saja. Alhamdulillah sekarang ini, saya sudah ada 250 ekor induk arnab pedaging.

"Kini Ceq Lah Empire AgroFarm membantu lebih daripada lapan orang penternak arnab pedaging di kawasan seluruh utara," katanya.

Kitaran arnab cepat

Menurut Abdullah Syaraffi, penjagaan arnab tidak begitu rumit dan mampu menjana keuntungan tinggi.

Menurutnya, seekor arnab baru lahir hanya perlu dijaga selama 90 hari dan dapat disembelih.

"Kitaran beranak bagi seekor arnab betina cepat iaitu lapan kali setahun. Anak-anak arnab akan bersama ibunya untuk menyusu selama 30 hari.

"Kemudian anak-anak arnab akan diceraikan susu daripada ibunya dan dibela dalam sangkar berasingan selama 60 hari.

"Cukup 90 hari beratnya boleh mencecah 2.2 kilogram (kg) dan sudah boleh disembelih," katanya.

Abdullah Syaraffi berkata, pemilihan induk yang betul akan mempercepatkan tumbesaran dan singkatkan tempoh untuk arnab cukup berat serta disembelih.

"Jika kena dengan genetik yang bagus, arnab cepat membesar dan dalam masa 80 hari sahaja akan dapat 2.1 kg bagi timbangan hidup," katanya.

11/5/2019

BERITA
HARIANSEMARAK
RAMADHAN

9

2,000 bungkus bubur lambuk diagih

➔ Program turut
raikan golongan
kurang
bernasib baik

Oleh Nur Mas Erah Amran
maserah.amran@nstp.com.my

■ Kubang Pessa

Program Semarak Ramadan BH 2019 bersama program Ikhlas Ramadan BERNAS hari ini akan dimeriahkan lagi dengan pengedaran 2,000 bungkus bubur lambuk istimewa.

Pengurus Jabatan Komunikasi Korporat BERNAS, Rozaliwati Nor Abdul Rahim, berkata program berkenaan akan turut meraikan golongan kurang bernasib baik.

"Selain pengagihan bubur lambuk, kita turut menyerahkan bantuan barangan keperluan kepada 50 keluarga terpilih, selain bantuan bagi meringankan beban 28 anak yatim dan 50 asnaf.

"Justeru, masyarakat setempat dijemput untuk sama-sama berbuka puasa di Masjid Jamek Kodiang esok (hari ini)," katanya ketika ditemui semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, ini kali pertama BERNAS bekerja



Rozaliwati Nor

sama dengan BH sejak program tanggungjawab sosial korporat (CSR) Ikhlas bermula pada 2016.

"Kita pilih kodiang kerana berhampiran dengan kilang dan diharapkan program ini dapat mengumpulkan penduduk kampung, sekali gus mengeratkan silaturahim sesama kita," katanya.

Pilih masjid teruja dipilih

Sementara itu, Pengerusi Masjid Jamek Kodiang, Fauzi Othman, berkata pihaknya teruja kerana penganjur memilih masjid berkenaan sebagai tempat program.

"Sebelum ini, masjid sememangnya diimarahkan dengan kegiatan harian seperti kuliah Subuh dan bacaan al-Quran. Namun, program seperti ini dapat mengeratkan hubungan antara penduduk.

"Terima kasih diucapkan kepada penganjur yang membantu menerbitkan sambutan Ramadan masyarakat di sini," katanya.



Fauzi Othman



BERNAS
PADIBERAS NASIONAL BERHAD

[FOTO SHAHRI, HAFIZ ZAM/BH]



Petugas menyusun bunting Program Semarak Ramadan BH bersama program Ikhlas Ramadan BERNAS di Masjid Jamek, Kodiang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/5/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	11

Cuaca panas jejas hasil tangkapan nelayan

Oleh **MOHAMED SAARI**
 pengarang@utusan.com.my

■ MUAR 10 MEI

LEBIH 1,000 nelayan daerah ini mendakwa hasil tangkapan mereka berkurangan sejak cuaca panas melanda negeri ini bulan lalu.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Muar, Kamaruddin Arshad berkata, perubahan cuaca itu sedikit sebanyak menjejaskan aktiviti nelayan menyebabkan jumlah tangkapan ikan berkurangan berbanding sebelumnya.

“Perubahan cuaca dan angin monsun yang berlaku menyebabkan kira-kira 10 jenis ikan terjejas sekali gus menjadi penyebab hasil tangkapan laut menjadi terlalu rendah.

“Sebagai contoh, ikan timah batu dan cencaru yang kini hanya mampu diraih sekitar satu hingga dua tong sehari berbanding 10 tong sehari sebelum ini,”



Rintihan
RAKYAT

katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Menurutnya, walaupun hasil tangkapan berkurangan, namun 1,127 ahli persatuan tidak menaikkan harga sesuka hati untuk meraih keuntungan selain sudah terbiasa dengan cabaran seperti ini setiap kali berdepan perubahan cuaca.

“Kami terpaksa tempuh pasang surut hasil jualan selain bergantung dengan elaun sara hidup nelayan bagi mencukupkan keperluan kami,” katanya.

Katanya, walaupun cuaca ketika ini panas dan bahang, nelayan tiada cara lain untuk meningkatkan pendapatan dan terpaksa juga turun ke laut seperti biasa kerana merupakan sumber pendapatan utama mereka.

Disebabkan keadaan itu, katanya, ada antara anak buahnya



KAMARUDDIN ARSHAD

mengalami masalah kesihatan akibat terlalu lama berada di tengah laut.

“Dengan cuaca sebegini, seharusnya kita tak boleh lama berjemur, namun nelayan tiada cara lain demi meraih hasil tangkapan,” katanya.

Headline	Harum Manis is coming		
MediaTitle	China Press (Northern)		
Date	11 May 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	5,959
Page No	C10	Readership	17,877
Language	Chinese	ArticleSize	259 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,744
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,231



玻璃市香甜芒來囉！

甲拋峇底人有口福了



■ 赖国平因买到最“正宗”的玻璃市香芒而雀跃万分。

（北海10日讯）芒果中的“猫山王”—玻璃市香甜芒（Harum Manis）5月上市！为让槟城人可以尝到“货真价实”的香甜芒，威北甲抛峇底华人体育会特从遥远的玻璃市农业局购得600公斤的香甜芒，再载到甲抛峇底售卖！

若猫山王是榴槤界的名牌，玻璃市香甜芒简直就是芒果界的“猫山王”，不过，香甜芒市场存在太多浑水摸鱼，若不会辨真伪，还真的吃不到货真价实的香甜芒。

本身很爱吃芒果的槟州首长特别协调官赖国平，因苦恼一直买不到香甜芒真品，槟州也没有售卖好的香甜芒，他在4月份亲自前往玻璃市农业局预订香甜芒。

“这一次，为协助农业部推销香甜芒，我决定与华人体育会一起合作，办个小型的香甜

芒展销会。”

赖国平说，原本该展销会是从10日开始至12日，但自从宣布要办展销会，已经被预订了70%；因此，他说，很可能在12日之前，所有600公斤的香芒将售罄。

“如果反应热烈，而且农业局还有配额给我的话，我将在5月中旬再办一场。”

他说，槟首长特别协调官行政中心也将在6月份举办本地蔬果义卖会，届时，若还有香芒的产量，也会再向农业局购买。

赖国平说，香甜芒早期受到日本市场的欢迎，如今被中国市场相中，他相信香芒的名气及价格在未来会大涨。

“我已做好准备向玻璃市农业局签署合作意向，确保每年保留指定的数量给槟州人民。”